


SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



asean

SEMPENA ULANG TAHUN KE-41



Daripada

 **WESTPORTS**

Westports Malaysia Sdn. Bhd. (192725V)

P.O. Box 266, Pulau Indah, 42009 Port Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: 603-3169 4000 Faks: 603-3169 4101



Perutusan Setiausaha Agung ASEAN Dr. Surin Pitsuwan



TERLEBIH dahulu, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Sekretariat Nasional ASEAN-Malaysia atas inisiatif yang diambil untuk mengadakan Sisipan Khas Akhbar berkenaan ASEAN sempena sambutan ulangtahun ASEAN ke-41.

Saya berharap melalui inisiatif ini, masyarakat akan lebih memahami dan menghargai ASEAN serta bagaimana aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat memberikan faedah kepada mereka.

ASEAN sekarang berada di ambang perubahan dalam sejarahnya. ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 1967 adalah merupakan sebuah pertubuhan yang longgar tetapi 40 tahun kemudian, pada tahun 2007, kesemua Negara Anggota telah menandatangani Piagam ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-13 di Singapura.

Dengan adanya Piagam ASEAN ini, ia diibaratkan sebagai petanda aras yang signifikan yang bakal merubah ASEAN daripada sebuah pertubuhan serantau yang longgar kepada pertubuhan antara kerajaan yang lebih berteraskan undang-undang.

Piagam ini akan mengandungi peraturan rangka kerja perundangan dan institusi yang baru dan lebih teratur untuk ASEAN memperbaiki pelaksanaan, penyelarasan dan proses membuat keputusan.

Piagam ini juga akan menyediakan ASEAN dengan personaliti yang lebih unggul.

Walaupun bagaimanapun, sebelum Piagam ini dapat dikuatkuasakan, kesemua 10 buah Negara Anggota ASEAN perlu meratifikasinya terlebih dahulu. Sehingga kini, tujuh buah negara anggota telah pun meratifikasi piagam ini iaitu Singapura, Brunei Darussalam, Malaysia, Laos, Viet Nam, Cambodia dan Myanmar.

Saya optimistik bahawa menjelang akhir tahun ini, di Bangkok, di meja yang sama di mana pemimpin-pemimpin pengasas ASEAN

telah menandatangani Deklarasi ASEAN pada 1967, para pemimpin ASEAN pada hari ini akan sekali lagi mencipta sejarah dengan meraikan penguatkuasaan Piagam tersebut yang membawa satu era baru ke arah pembentukan komuniti di Asia Tenggara, yang satu daripadanya meletakkan masyarakat ASEAN sebagai fokus pembentukan komuniti ASEAN yang baru.

Dalam proses pembentukan komuniti ini, ASEAN mara ke hadapan dengan tiga tonggak utama.

Dari aspek ekonomi, ASEAN melaksanakan rangka kerja Komuniti Ekonomi ASEAN untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan pangkalan pengeluaran.

ASEAN kini berpandukan sistem 'score card' untuk memastikan pelaksanaan yang mengikut waktu dalam komitmen ekonomi di bawah Rangka Kerja Komuniti Ekonomi ASEAN.

Pada masa yang sama, ASEAN sedang giat menyiapkan dua lagi rangka kerja iaitu Rangka Kerja Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC) dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC).

Di tengah-tengah pembentukan komuniti ini, ASEAN berhadapan dengan cabaran yang lain. Kedudukan ekonomi, seperti juga di mana-mana negara, dicengkam dengan krisis kenaikan harga minyak dan barang makanan.

Walaupun rantau ini mempunyai bekalan beras yang lebih dari mencukupi untuk menampung keperluan warganya di samping berkongsi dengan negara lain, cabaran kita adalah untuk memperkukuhkan lagi skop kerjasama serantau dalam aspek jaminan makanan untuk mencegah kesan buruk terhadap ekonomi ASEAN, dan yang paling penting, adalah untuk menjamin bekalan berterusan untuk warganya.

Pada 2 Mei 2008, Taufan Nargis melanda Delta Irrawaddy di Myanmar. Selepas tsunami pada tahun 2004, Taufan Nargis merupakan

bencana yang amat dahsyat yang telah membawa kerosakan besar kepada salah sebuah Negara Anggota ASEAN.

Sebagai tindakbalas segera untuk membuktikan komitmen dan atas dasar semangat kerukunan, Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN telah mengadakan Mesyuarat Khas di Singapura pada 19 Mei dan seterusnya menubuhkan satu mekanisme ASEAN untuk menyediakan bantuan kemanusiaan dan menyelaras sumbangan antarabangsa untuk membantu mangsa Taufan tersebut.

Sejak saya memegang jawatan Setiausaha Agung ASEAN, saya telah merencanakan tentang 'rangkaiannya' ASEAN, di mana Sekretariat ASEAN bertindak sebagai tunjang utama kepada rangkaian ini.

ASEAN kini boleh bergerak maju ke hadapan dengan lebih berkeyakinan dan dengan visi yang jelas.

Walaupun bagaimanapun, ASEAN masih memerlukan bantuan dari pihak yang terlibat; dari Negara-Negara Anggota dan warganya, dan juga dari Rakan-rakan Dialog dan Luaran.

ASEAN bertuah kerana mempunyai Rakan Dialog, negara sahabat dan pertubuhan antarabangsa yang sentiasa mahu melihat ASEAN berjaya.

Sekiranya ASEAN berjaya, ia membawa kebaikan kepada rantau ini dan dunia keseluruhannya. Dengan kejayaan itu, ia mengurangkan beban dunia terhadap satu benua dan itu merupakan satu pencapaian dan sumbangan yang amat bermakna.

Selamat Maju Jaya Dan Selamat Menyambut Hari ASEAN!

Dr. Surin Pitsuwan

Piagam ASEAN – langkah baru buat ASEAN

PIAGAM ASEAN dapat diterjemahkan sebagai lembaran baru buat ASEAN untuk berdiri teguh dan maju ke hadapan dalam membina Komuniti ASEAN.

Piagam ini menggariskan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi oleh kesemua 10 negara anggota.

Ini termasuk, peraturan undang-undang, pemerintahan yang adil, prinsip demokrasi dan kerajaan berpelembagaan.

Tambahan lagi, terdapat prinsip-prinsip seperti berkongsi komitmen dan tanggungjawab secara kolektif dalam meningkatkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran serantau dan meningkatkan perundangan dalam segala hal secara serius yang mempengaruhi kepentingan bersama dalam ASEAN.

Piagam ASEAN akan menjadikan ASEAN berpersonaliti unggul dan muncul sebagai sebuah pertubuhan antara kerajaan yang bertaraf antarabangsa.

Pemimpin-pemimpin ASEAN akan bertemu sekurang-kurangnya dua kali setahun, dibandingkan hanya sekali pada masa ini iaitu semasa Sidang Kemuncak Tahunan ASEAN.

Para Menteri juga akan bertemu lebih kerap dalam Komuniti masing-masing.

Menteri-Menteri Luar ASEAN akan memegang peranan yang lebih besar, menyandang sekurang-kurangnya lima peranan yang berbeza: iaitu sebagai peserta dalam Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Luar ASEAN; dalam Forum Serantau ASEAN; sebagai ahli kepada Suruhanjaya Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara; sebagai ahli kepada Majlis Komuniti Politik-

Keselamatan ASEAN yang baru; dan Majlis Penyelaras ASEAN.

Setiausaha Agung ASEAN pula akan memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam memastikan keseragaman dan ketepatan dalam pelaksanaan terhadap komitmen dan perjanjian ASEAN, penglibatan terhadap entiti-entiti yang bersangkutan dengan ASEAN, mengutamakan kepentingan personaliti ASEAN, dan mewakili pandangan ASEAN di dalam mesyuarat yang dihadiri bersama pihak luar.

Justeru itu, dua orang lagi Timbalan Setiausaha Agung akan dipilih untuk membantu Setiausaha-Agung sebagai tambahan kepada dua Timbalan yang sedia ada sekarang.

Setiap negara anggota akan melantik wakil tetap untuk membentuk Jawatankuasa Wakil Tetap ASEAN di Jakarta.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama rapat dengan Setiausaha Agung dan Sekretariat ASEAN dalam menyelaras pembentukan Komuniti ASEAN. Jawatankuasa ini juga akan berinteraksi secara terus dengan Rakan Dialog ASEAN.

Berikutan dengan itu, Amerika Syarikat telah pun melantik Dutanya ke ASEAN. Manakala Rakan Dialog ASEAN yang lain pula dijangkakan akan berbuat demikian tidak lama lagi.

Mekanisme penting yang lain adalah badan hak asasi manusia ASEAN yang berperanan dalam menggalakkan dan memelihara hak asasi manusia dalam rantau ASEAN. Panel peringkat Tinggi akan mendraf bidang tugas berkenaan badan ini.

Sumber: Sekretariat ASEAN



Lambang ASEAN

LAMBANG ASEAN mencerminkan sebuah negara ASEAN yang stabil, aman, bersatu-padu dan dinamik. Warna-warna Lambang - biru, merah, putih dan kuning - merupakan warna utama kepada Lambang Negara-Negara ASEAN.

Biru membawa maksud keamanan dan kestabilan. Merah melambangkan keberanian dan kedinamikan. Putih bererti kesucian dan kuning menampilkan kemakmuran.

Sepuluh batang padi membayangkan impian para Pengasas ASEAN agar seluruh Negara Asia Tenggara terjalin dalam satu ikatan persahabatan dan perpaduan. Bulatan melambangkan kesepakatan ASEAN.

Sumber: Sekretariat ASEAN

Satu Identiti ASEAN

Satu Komuniti ASEAN

2015





Perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi



(Treaty of Amity and Cooperation) yang telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN tahun 1976 tidak mempunyai apa-apa kuasa.

Tetapi kita tidak boleh sangkal bahawa semangat Perjanjian itulah yang telah mengekalkan keamanan di Asia Tenggara selama ini.

Sejak wujudnya Perjanjian itu, belum pernah berlaku perselisihan di antara mana-mana negara yang menyertai Perjanjian tersebut. Sebenarnya, Malaysia setia kepada semangat Perjanjian itu.

Malaysia telah bersetuju sebanyak tiga kali untuk mencari penyelesaian secara aman dan berasaskan undang-undang antarabangsa di mahkamah antarabangsa bersabit dengan tiga pertikaian berasingan dengan negara-negara jiran ASEAN.

Perjanjian 1976 itu diguna pakai dalam Piagam ASEAN sebagai satu daripada cara untuk menyelesaikan pertikaian serantau pada masa hadapan. Peruntukan ini tertera di Perkara 24 dalam Piagam.

ASEAN mempunyai rekod yang baik mengenai usaha-usaha membina komuniti, termasuk menajui konsep membina komuniti yang lebih besar, yang merangkumi negara-negara Asia Timur.

Pada tahun 1997, Sidang Kemuncak pertama di antara Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN dan Ketua-ketua Negara/Kerajaan China, Jepun dan Republik Korea telah diadakan.

Saya sangat gembira Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dengan Menteri-Menteri Luar China, Jepun dan Republik Korea, yang diadakan di Singapura pada

bulan Julai lalu telah sekali lagi mengesahkan bahawa mesyuarat ASEAN Campur Tiga merupakan proses yang akan terus berperanan sebagai penggerak rancangan jangka panjang untuk melahirkan Komuniti Asia Timur. Lebih penting lagi, Mesyuarat itu mengesahkan juga bahawa ASEAN tetap menjadi kuasa pemandu bagi projek Komuniti Asia Timur itu.

ASEAN sangat berguna kepada Malaysia di peringkat serantau dan juga antarabangsa. Dasar luar negeri kita sentiasa mengambil kira keanggotaan Malaysia dalam ASEAN dan juga kepentingan-kepentingan ASEAN sebagai satu pertubuhan serantau.

Maka dari sudut inilah saya menyeru semua rakyat Malaysia supaya bersama-sama memperingati dan meraikan Hari ASEAN pada hari ini.

Kita perlu membawa ASEAN lebih dekat kepada rakyat. Kita semua harus menerapkan kesedaran terhadap ASEAN supaya, dalam masa yang singkat, ASEAN benar-benar menjadi satu komuniti masyarakat penyayang dalam mana semua warganya hidup aman, damai dan makmur. Hari ASEAN ini merupakan detik bagi kita semua memperbaharui azam untuk mengekalkan segala impian murni yang disemai semasa penubuhan ASEAN dahulu.

DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI

lam proses membentuk dan melahirkan sebuah komuniti di kawasan Asia Tenggara ini. Saya yakin Piagam itu boleh membantu ASEAN menjadi sebuah institusi yang lebih sempurna.

Ini akan berlaku apabila ASEAN berubah daripada sebuah pertubuhan yang hanya boleh membuat keputusan berasaskan kata sepakat semua negara anggota kepada satu pertubuhan antarabangsa yang berlandaskan peraturan dan undang-undang yang bertulis.

Saya penuh keyakinan bahawa Piagam ASEAN dapat membantu kita meningkatkan pencapaian serta menambah nilai rancangan dan projek-projek kerjasama serantau yang sedia ada. Di antara lainnya, Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN dikehendaki bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun.

Urusetia ASEAN akan diperkuat lagi dengan pelantikan empat Timbalan Setiausaha Agung berbanding dengan dua orang yang ada sekarang. Negara anggota akan melantik Wakil Tetap bertempat di Jakarta.

Proses membuat keputusan akan dikemaskan dan fungsi penyeliaan akan dijadikan lebih berkesan. Piagam ASEAN juga akan menentukan supaya segala peraturan dan keputusan ASEAN dipatuhi dengan lebih baik. Oleh itu, semua negara anggota ASEAN perlu meratifikasi Piagam ASEAN dengan segera untuk mengubah proses integrasi serantau kepada proses pembentukan komuniti.

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa usaha untuk mewujudkan Komuniti ASEAN

memerlukan gerak kerja yang gigih daripada kita semua. Blueprint atau rangka kerja untuk melaksanakan Komuniti Ekonomi ASEAN telah pun dipersetujui semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan November 2007 di Singapura. Tetapi rangka kerja untuk Komuniti Sosio-Budaya dan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN masih dalam perundingan. Kita perlu mempercepatkan usaha ini kerana sasaran untuk melahirkan Komuniti ASEAN pada tahun 2015 semakin hampir.

Piagam ASEAN tidak akan dapat berfungsi dengan cemerlang selagi ketiga-tiga komuniti yang menjadi landasan kepada Komuniti ASEAN itu tidak diwujudkan.

Namun begitu, kita berpuas hati dengan kejayaan ASEAN setakat ini sebagai pertubuhan yang berupaya mengekalkan kestabilan dan keamanan serantau. Ada pendapat menyatakan bahawa Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN

ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dapat dilaksanakan dengan efektif.

Deklarasi Kuala Lumpur semasa Sidang Kemuncak ASEAN+3 pada tahun 2005 telah mengukuhkan lagi kedudukan ASEAN sebagai nadi penggerak ke arah merealisasikan Komuniti Asia Timur yang menyumbang kepada keamanan dan keselamatan serantau dan global.

Kita perlu memastikan peningkatan dalam penglibatan masyarakat awam secara menyeluruh. Malaysia perlu bekerjasama secara erat dengan negara anggota yang lain dalam mempromosikan pembangunan secara berterusan bertunjangkan komuniti

ASEAN sementara setiap negara anggota bebas dalam meneruskan teras nasional dan memelihara hubungan dua hala dengan negara anggota yang lain atau lain-lain negara.

Saya sangat percaya komitmen negara-negara anggota terhadap ASEAN akan kekal utuh. Hari ASEAN seperti hari ini, begitu bermakna dalam mendekatkan ASEAN terutamanya kepada generasi muda. Oleh yang demikian usaha untuk melibatkan masyarakat secara terus dalam proses pembinaan komuniti perlu menjadi agenda utama demi menjamin masa depan dan pertumbuhan ASEAN selaras dengan ketiga-tiga tunggak rangkanya. Malaysia memainkan

peranan yang signifikan didalam mencetuskan idea mewujudkan dokumen perundangan ASEAN yang dikenali sebagai Piagam ASEAN pada Deklarasi Kuala Lumpur tanggal 25 Disember 2005. Malaysia telah meratifikasi Piagam tersebut pada 14 Februari 2008 dan telah pun menyerahkan instrumen ratifikasi Piagam tersebut kepada Sekretariat ASEAN pada 20 Februari 2008. Piagam ini akan menjadi dokumen asas kepada ASEAN yang mewakili visi dan komitmen kita ke arah pembangunan Komuniti ASEAN sebagai rantau yang aman, stabil, memiliki asas ekonomi yang kukuh, makmur dan terus maju. Akhir kata, dengan ini

saya menyeru agar semua pihak terus menggembleng tenaga untuk mengekalkan perpaduan dalam mengharungi liku-liku cabaran dunia abad ke 21. Marilah kita berganding bahu dan berusaha ke arah membentuk masa depan ASEAN yang lebih cerah demi kesejahteraan rakyatnya seiring dengan tema sambutan ASEAN pada tahun ini iaitu Satu Identiti ASEAN, Satu Komuniti ASEAN menjelang 2015.

DATUK SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Perutusan Menteri Luar Negeri Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim



Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh ASEAN pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, untuk menjadikan ASEAN lebih berjaya, adalah penting ketiga-tiga rangka kerja iaitu Komuniti Politik-Keselamatan

HARI ini kita menyambut hari ulang-tahun penubuhan ASEAN ke-41. Sejak ia ditubuhkan pada tahun 1967 melalui Deklarasi Bangkok, ASEAN memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pembentukan rantau Asia Tenggara yang aman, stabil dan berdaya maju ke arah Komuniti ASEAN menjelang 2015.


ASEAN telah bermula dengan hanya lima buah negara anggota dan kini bilangannya sudahpun berganda menjadi 10. Negara anggota ASEAN kini lebih bersedia dan berkeyakinan untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyatnya supaya menjadi satu komuniti yang dinamik, disegani dan dihormati.

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



asean

SEMPENA ULANG TAHUN KE-41



Maybank

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



asean

SEMPENA ULANG TAHUN KE-41



Daripada

PNB

Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Sumbangan Malaysia kepada ASEAN, dulu dan sekarang

MALAYSIA adalah salah satu daripada lima anggota ASEAN dan telah banyak menyumbang idea dan pendekatan untuk kemajuan ASEAN sehingga kini.

Sehubungan itu, ASEAN terus menjadi teras utama kepada dasar luar negara kita.

Idea untuk menubuhkan ASEAN telah diilhamkan oleh Menteri-Menteri Luar Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Mereka duduk bersama di Dewan Besar Jabatan Hal Ehwal Luar Negara, Bangkok, Thailand dan kemudiannya menandatangani perisytiharan penubuhan ASEAN.

Bekas Menteri Luar Malaysia, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman telah menekankan tentang pentingnya menubuhkan sebuah pertubuhan serantau bagi menjalin kerjasama ekonomi, politik dan kebudayaan.

Susulan daripada cetusan pendapat tersebut, ASEAN telah dizahirkan.

Idea Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) yang diusulkan oleh Malaysia

telah ditandatangani pada 27 November 1971 melalui Perisytiharan Kuala Lumpur.

Inisiatif bagi Integrasi ASEAN (IAI) merupakan salah satu daripada tumpuan utama kita sejak tahun 1981.

Kita memberikan bantuan teknikal kepada Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam (CLMV) termasuk kursus-kursus latihan.

Sehingga kini, Malaysia telah banyak menyumbang kepada Pelan Kerja IAI, contohnya bagi membantu Projek Sekolah Bestari untuk CLMV. Inisiatif ini menyediakan negara-negara tersebut dengan pelbagai kemudahan ICT dan pakej program pembangunan sumber manusia. Komitmen Malaysia kepada IAI untuk tahun 2006 sehingga 2008 ialah sebanyak USD2.62 juta (RM9.96 juta).

Kita mengamalkan dasar 'memakmurkan jiran' supaya Negara-Negara Anggota ASEAN dapat mengecilkan jurang perbezaan dalam pembangunan, mengurangkan perbezaan sosio-ekonomi dan membasmi kemiskinan di kalangan

Masyarakat ASEAN.

Dasar ini adalah dengan Wawasan 2015 ASEAN yang mahukan ASEAN menjadi sebuah masyarakat penyayang dengan jurang perbezaan pembangunan yang kian mengecil dan ekonomi yang semakin terjalin.

Bagi mengurangkan penderitaan di negara-negara anggota seperti yang dialami oleh mangsa Taufan Nargis di Myanmar, Kerajaan Malaysia telah menghantar bantuan kemanusiaan.

Usaha-usaha penyelarasan di antara ASEAN dan masyarakat antarabangsa adalah penting bagi menangani situasi kecemasan di Myanmar.

Malaysia turut memainkan peranan penting dalam mengusulkan sebuah dokumen perlembagaan dengan prinsip-prinsip asas, matlamat, objektif dan struktur ASEAN yang dikenali sebagai 'Piagam ASEAN'.

Malaysia telah mengesahkan piagam tersebut pada 14 Februari 2008 dan menyerahkan Instrumen Ratifikasi

berkenaan kepada Sekretariat ASEAN.

Negara-negara anggota kini giat bekerjasama demi mencapai sasaran Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 seperti yang telah dipersetujui oleh para pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di Cebu, Filipina. Malaysia komited untuk merealisasikan aspirasi ASEAN ini.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Asia Timur Pertama (EAS) di Kuala Lumpur dalam bulan Disember 2005 dengan dihadiri oleh para pemimpin dari 16 buah negara Asia Pasifik.

Ini telah mengukuhkan lagi reputasi ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau yang berpandangan jauh.

Deklarasi Kuala Lumpur berkenaan Sidang Kemuncak ASEAN + 3 yang ditandatangani pada tahun 2005 telah mengesahkan komitmen Jepun, Republik Korea dan China untuk merealisasikan matlamat jangka panjang Masyarakat Asia Timur iaitu untuk menyumbang kepada keamanan, keselamatan, kemakmuran dan kemajuan serantau dan seluruh dunia.

ASEAN hulur bantuan mangsa Taufan Nargis di Myanmar

TAUFAN Nargis telah melanda Myanmar pada 2 hingga 3 Mei 2008, yang menyebabkan kemusnahan besar kepada Yangon dan Delta Irrawaddy. Angka rasmi kematian yang diperolehi dari Myanmar menunjukkan lebih 84,000 orang telah terkorban dan kira-kira 53,000 orang tidak dapat dikesan.

Dalam sejarah Myanmar, serangan taufan Nargis ini merupakan bencana alam paling besar yang pernah mereka alami.

Satu Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN telah diadakan pada 19 Mei 2008 di Singapura di mana mereka telah bersetuju untuk menubuhkan satu mekanisme penyelarasan ASEAN bagi memudahkan penyelarasan dan urusan bantuan dari masyarakat antarabangsa.

Bagi merealisasikan maksud itu, sebuah Pasukan Petugas Ke-

manusiaan ASEAN (AHTF) yang diketuai oleh Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan telah ditubuhkan.

Pasukan Petugas ini merangkumi para pegawai kanan dan pakar dari Negara-Negara Anggota ASEAN.

Akibat dari serangan taufan tersebut, ASEAN telah memainkan peranan utama dengan menghulurkan bantuan serta menyelaraskan kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), termasuk pelbagai pertubuhan antarabangsa dan negara-negara lain.

Kumpulan pertama Pasukan Penilaian Segera Kecemasan ASEAN atau ASEAN ERAT telah menjalankan tugas dari 9 hingga 18 Mei 2008 bagi menilai kemusnahan dan bantuan yang diperlukan akibat serangan taufan tersebut.

Bagi menyediakan bantuan perlu kepada pasukan petugas, sebuah pejabat penyelarasan bagi Pasukan Petugas Kemanusiaan ASEAN telah diwujudkan di Yangon.

Selain daripada itu, Sekretariat ASEAN juga turut menubuhkan Dana Kerjasama ASEAN Untuk Bantuan Bencana bagi mangsa Taufan Nargis.

Lanjutan daripada Persidangan Perjanjian Antarabangsa ASEAN dan PBB pada 25 Mei 2008, pasukan petugas telah menubuhkan sebuah Kumpulan Teras Tiga Pihak atau TCG yang berpangkalan di Yangon.

Kumpulan ini mengandungi para pegawai kanan dari Kerajaan Myanmar, ASEAN dan PBB.

TCG dengan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Luar Myanmar, U Kyaw Thu, telah menyelaraskan, memudah cara dan memantau aliran bantuan antarabangsa ke kawasan bencana.

Dengan wujudnya TCG, masyarakat antarabangsa dapat menyegerakan dan meningkatkan penyediaan bekalan bantuan kepada mangsa Taufan Nargis.

Dalam Jun 2008, pasukan penilaian Bersama Pasca Nargis atau PONJA telah dikerahkan ke kawasan bencana di Delta Irrawaddy dan Yangon untuk melakukan penilaian bersama, menyeluruh dan objektif ke atas para penduduk yang terjejas akibat serangan Taufan Nargis. Penilaian ini adalah merupakan sebahagian daripada kerjasama tiga pihak di antara Myanmar,



BANTUAN MALAYSIA... Duta Besar Malaysia ke Myanmar, Datuk Mazlan Muhammad (kanan) menyerahkan bantuan kerajaan Malaysia untuk mangsa Taufan Nargis kepada pegawai kanan tentera Myanmar sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Yangon.

ASEAN dan PBB.

Kira-kira 250 kakitangan dari Kerajaan Myanmar, negara-negara Anggota ASEAN, PBB, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan dan antarabangsa, dan dibantu oleh para pakar teknikal dari Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia telah dikerah untuk menyelaraskan lebih 290 buah kampung yang terjejas.

Berdasarkan kepada kajian PONJA, PBB telah melancarkan ruyuan PBB pada 10 Julai 2008 di New York, Amerika Syarikat bagi meneruskan usaha-usaha bantuan kepada mangsa taufan Nargis.

Usaha ini bertujuan untuk menepati pelbagai keutamaan dalam bulan-bulan mendatang sehingga April 2009, dimana kira-kira US\$303 juta adalah diperlukan untuk membantu mangsa taufan ini.

Laporan penuh PONJA telah dikeluarkan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-41 pada 21 Julai lalu di Singapura. Laporan tersebut menjelaskan tentang analisis Pasukan PONJA

mengenai kemusnahan dan bantuan yang diperlukan di kawasan bencana di Delta Irrawaddy dan Yangon, serta kerosakan dan kerugian yang dialami.

Laporan PONJA itu turut menyediakan rangka kerja menyeluruh dan objektif mengenai skop dan prioriti bantuan yang diperlukan bagi membantu para penduduk Delta pulih daripada trauma Nargis.

Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan berkata, 'Dengan berganding tenaga bersama PBB, badan-badan NGO antarabangsa dan seluruh dunia, ASEAN telah menunjukkan bagaimana kerjasama kemanusiaan antarabangsa dapat membantu mangsa Taufan Nargis.'

'Pada masa yang sama, ASEAN telah menunaikan janjinya untuk membina sebuah masyarakat penyayang dan bekerjasama,' katanya.

Sumber: Sekretariat ASEAN



BERATUS-RATUS mangsa Taufan Nargis beratur untuk mendapatkan bantuan makanan di bandar Kyout Tan, kira-kira 32 kilometer dari Yangon.

Pembesaran Westports berjalan lancar

KERJA pembinaan dermaga baru sepanjang 600-meter di Westports berjalan seperti yang dijadualkan. Dermaga ini dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada bulan September tahun ini.

Westports telah memulakan rancangan pembesaran pelabuhan 3 tahun dengan kos RM800 juta untuk menghadapi peningkatan dalam jumlah kendalian kontena di pelabuhan tersebut.

Ini termasuklah pembinaan CT5 (Kontena Terminal ke 5) untuk menambahkan kapasiti sebanyak 30 peratus.

Projek pembesaran ini akan memastikan Westports, yang sudah pun mencapai tahap maksimum di dermaga, berupaya mengendalikan volum tinggi yang dijangkakan daripada perdagangan global yang semakin meningkat.

Ianya juga akan memastikan pelabuhan Westports dapat mengendalikan kapal-kapal gergasi baru seperti kapal yang boleh memuat 13,400

TEU (kontena bersamaan 20 kaki) yang sudah pun beroperasi tahun ini.

Projek CT5 akan membolehkan penambahan dua kawasan berlabuh yang dapat meningkatkan jumlah kapasiti kendalian ke 8.0 juta kontena standard daripada kapasiti 6 juta TEU pada masa ini. Westports mempunyai rancangan 15 tahun

untuk membina dermaga sehingga ke CT9 ataupun

penambahan 2,400 meter dari CT6 ke CT9. Setelah siap pembinaan, Westports akan mempunyai dermaga sepanjang 5,600 meter dengan jumlah kapasiti sebanyak 12 juta TEU.

Menurut Pengarah Eksekutif Westports, Ruben Emir Gnanalingam, daripada jumlah RM800 juta, Westports akan membelanjakan RM460 juta pada fasa pertama rancangan pembesaran pelabuhan yang dijadualkan berakhir pada akhir tahun ini.

"300-meter pertama CT5 telah pun siap pada bulan Jun yang lalu dan separuh kedua pada bulan September tahun ini. Westports akan mempunyai dermaga sepanjang 3,200 meter apabila siap CT5 kelak.

"Untuk melengkapkan pembesaran dermaga, kami akan memajukan lagi yard kontena dan juga menambahkan peralatan pelabuhan," katanya.

Westports telah menerima tiga kren dermaga super post-panamax pengangkat kembar baru-baru ini. Sehingga kini, terminal pelabuhan Westports mempunyai 31 kren dermaga super post-panamax termasuk lapan pengangkat kembar. Tiga lagi kren dermaga akan tiba bulan September ini.

Keseluruhannya, Westports akan mempunyai 34 kren dermaga termasuk 12 pengangkat kembar. Pada masa yang sama, pelabuhan akan juga mempunyai 102 Kren Gantry (RTG), 272

prime mover, 290 treler dan 25 stacker pada akhir 2008.

"Westports juga telah menerima satu kren dermaga simulator yang paling canggih untuk digunakan bagi tujuan latihan oleh pekerja kren dermaga.

Kami

melaburkan RM1.1 juta dalam kren ini untuk melatih dan melahirkan Operator kren dermaga yang berskil tinggi," tambah Ruben.

Sementara itu, pengendalian kontena di Westports mencatatkan pertumbuhan sihat dengan peningkatan sebanyak 17 peratus untuk tempoh Januari hingga Jun 2008.

Ia mengendalikan sejumlah 2.45 juta TEU untuk enam bulan tersebut berbanding dengan 2.08 juta TEU bagi tempoh yang sama tahun lalu. Westports kini dalam landasan baik untuk mencapai sasaran lima juta TEU untuk tahun ini.

Pencapaian ini membolehkan Westports memperoleh syer pasaran sebanyak 62 peratus di Pelabuhan Kelang.

Serentak dengan perkembangan yang sihat ini, Westports juga mencatatkan pertumbuhan 25 peratus

dalam pengendalian kontena tempatan. Ianya sekaligus memberikan Westports syer pasaran sebanyak 45 peratus di Pelabuhan Kelang.

Pencapaian kontena tempatan bagi bulan Jun sahaja menampakkan syer pasaran Westports

meningkat kepada 47 peratus.

Pengendalian kontena di Pelabuhan Westports bagi bulan Jun juga mencatatkan volum tertinggi hingga kini, iaitu sebanyak 435,000 TEU.

Ruben berkata, "pencapaian memberangsangkan ini mencerminkan sokongan padu daripada semua pihak termasuk pelanggan dan kakitangan kami.

"Apa yang lebih penting ialah pertumbuhan volum kontena tempatan. Pertumbuhan yang kukuh oleh syarikat perkapalan kami berpunca dari perkhidmatan baru yang menghubungkan Timur ke Eropah, Timur Tengah, negara-negara selatan Asia serta perdagangan intra-Asia juga mendorong pencapaian baik ini," ujarnya.



RUBEN EMIR GNANALINGAM